

Martabat Ilmu dan Kesejahteraan Sejagat

Encik Mohamed Tajuddin & Mohamed Nordin
Taman Penyelidikan UPM

Taman Penyelidikan Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) berbangga kerana telah mengadakan kerjasama dengan syarikat swasta, agensi awam dan individu bagi projek penyelidikan dan pembangunan.

Kejayaan profesional Taman ini ialah menyediakan rancangan atau pun pelan induk penggunaan sumber dan kemudahan secara optimum yang ada di kampus UPM demi meningkatkan peluang untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Staf UPM boleh mewujudkan sebuah 'Universiti Abad ke-21' dengan menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan yang bersifat komersil untuk meningkatkan kewangan Universiti Putra Malaysia.

Wawasan Taman ini ialah membuat perjanjian dan mengadakan usahasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi maksud meningkatkan kewangan Universiti Putra Malaysia.

Taman ini berbangga dengan penglibatan UPM yang proaktif dalam bidang IT yang terulung seperti Multimedia Super Corridor.